



UNDANG MALAYSIA 1972

# UNDANG<sup>2</sup> MALAYSIA

## Akta 73

**AKTA LEMBAGA KEMAJUAN PERUSAHAAN  
HAIWAN NEGARA, 1972**

Tarikh Persetujuan di-Raja ... 23hb Mach, 1972

Tarikh di-terbitkan dalam *Warta* 30hb Mach, 1972

**UNDANG<sup>2</sup> MALAYSIA****Akta 73****AKTA LEMBAGA KEMAJUAN PERUSAHAAN  
HAIWAN NEGARA, 1972**

---

**SUSUNAN SEKSHEN<sup>2</sup>**

---

**BAHAGIAN I  
PERMULAAN****Sekshen**

1. Tajok ringkas, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

**BAHAGIAN II  
LEMBAGA KEMAJUAN PERUSAHAAN  
HAIWAN NEGARA**

3. Perbadanan Lembaga.
4. Tugas<sup>2</sup> Lembaga.
5. Pengurus Besar, pegawai dan penjawat Lembaga.
6. Kumpulanwang.
7. Meminjam wang.
8. Pelaboran.
9. Akaun dan Odit.
10. Laporan Tahunan.

**BAHAGIAN III  
AM**

11. Kaedah<sup>2</sup>.  
    **JADUAL PERTAMA.**  
    **JADUAL KEDUA.**

UNDANG<sup>2</sup> MALAYSIAAm: ~~Act. A. 202/73~~  
" " 377 )77

## Akta 73

AKTA LEMBAGA KEMAJUAN PERUSAHAAN  
HAIWAN NEGARA, 1972

Suatu Akta bagi memperbadankan Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara dan bagi membuat peruntukan berkenaan dengan perkara<sup>2</sup> berhubung dengan-nya.

[ West Malaysia - 1-8-72 - PU(B) 23/72  
Sarawak - 1-8-73 - PU(B) 30/73 ]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG<sup>2</sup> oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

1. (1) Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara, 1972.

(2) Akta ini hendak-lah di-pakai di-seluruh Malaysia.

(3) Akta ini hendak-lah mula berkuatkuasa pada tarikh yang di-tetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam *Warta*, dan tarikh<sup>2</sup> yang berlainan boleh di-tetapkan bagi berlain-lain Negeri atau bahagian dalam Malaysia.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayat-nya menghendaki makna yang lain: Tafsiran.

"ahli" erti-nya mana<sup>2</sup> ahli Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara termasuk Pengerusi, Pengerusi sementara dan mana<sup>2</sup> ahli sementara yang di-lantek di-bawah seksyen 3 (5);

"Kumpulanwang" erti-nya kumpulanwang yang di-tubuhkan di-bawah seksyen 6;

"Lembaga" erti-nya Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara yang di-tubuhkan di-bawah seksyen 3;

"*makanan ternak*"

Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuatkuasa.

"Menteri" erti-nya Menteri yang bertanggungjawab bagi ternakan haiwan;

"Pengerusi" erti-nya Pengerusi Lembaga Kemajuan Haiwan Negara;

"Pengerusi sementara" erti-nya sa-saorang Pengerusi sementara Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara yang di-lantek di-bawah sekshen 3 (5);

"pengeluaran ternakan" termasuk-lah apa<sup>2</sup> keluaran ternakan dan apa<sup>2</sup> benda makanan atau minuman yang kesemua-nya atau sa-bahagian-nya di-buat atau di-dapati dari apa<sup>2</sup> keluaran tersebut, dan daging, tulang, jeroan, tandok, bulu dan kulit ternakan;

"rumah bantai" erti-nya sa-suatu tempat menyembeleh binatang<sup>2</sup> dengan mempunyai kemudahan<sup>2</sup> yang sa-patut bagi memeriksa daging;

"ternakan" termasuk-lah ayam-itek.

## BAHAGIAN II

### LEMBAGA KEMAJUAN PERUSAHAAN HAIWAN NEGARA

Perbadanan  
Lembaga.

3. (1) Maka ada-lah dengan ini di-tubuhkan suatu pertubuhan perbadanan bernama Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara (kemudian daripada ini di-sebut "Lembaga") yang kekal turun temurun dan mempunyai suatu meteri dan boleh mendakwa dan di-dakwa atas nama-nya dan, tertaklok kepada dan bagi maksud Akta ini, boleh membuat kontrek dan ada mempunyai kuasa bagi memperolehi dan memegang harta aleh atau harta takaleh dan bagi melepaskan-nya atau dengan sa-chara lain membuat apa<sup>2</sup> urusan mengenai-nya.

(2) Peruntokan<sup>2</sup> Jadual Pertama kepada Akta ini hendak-lah berkuatkuasa berkenaan dengan Lembaga.

(3) Lembaga hendak-lah terdiri daripada ahli<sup>2</sup> yang berikut yang di-lantek oleh Menteri:

(a) sa-orang Pengerusi;

(b) sa-orang Timbalan Pengerusi;

(c) sa-orang wakil Kementerian Pertanian dan Tanah;

(d) sa-orang wakil Perbendaharaan;

(e) sa-orang wakil Bahagian Haiwan, Kementerian Pertanian dan Tanah;

(f)

Act. A. 202/73

Act. A. 202/73

Perikonan  
(Act. A. 202/73)

Act. A. 202/73

## LEMBAGA KEMAJUAN PERUSAHAAN HAIWAN NEGARA 7

(g) sa-orang wakil Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan; dan

(h) tidak lebeh daripada 5 orang lagi yang berpengalaman dan telah menunjukkan kebolehan dalam perkara<sup>2</sup> berhubung dengan perusahaan ternakan dan keluaran ternakan atau pemasaran, kewangan dan pentadbiran.

(4) Apabila melantek orang<sup>2</sup> yang tersebut dalam perenggan (g) sekshen-kechil (3), Menteri hendak-lah memberi pertimbangan tentang perlu-nya berbagai kepentingan dan wilayah dalam Malaysia di-wakili.

(h)  
(Act. A. 202/73)

(5) Sa-orang Pengerusi sementara atau sa-orang ahli sementara boleh di-lantek dalam masa Pengerusi atau ahli Lembaga tidak berupaya buat sementara (sama ada oleh sebab sakit atau tidak ada dalam Malaysia atau oleh apa<sup>2</sup> sebab lain), dan Pengerusi sementara atau ahli sementara itu hendak-lah di-lantek dengan chara sa-rupa saperti Pengerusi atau ahli di-lantek di-bawah sekshen ini.

(6) Sa-saorang ahli hendak-lah memegang jawatan sa-lama tempoh yang di-nyatakan dalam suratchara perlantekan-nya melainkan jika ia terlebeh dahulu meletakkan jawatan-nya atau perlantekan-nya di-batalkan, dan ada-lah layak di-lantek sa-mula.

(7) Menteri boleh memberi kepada Lembaga arahan<sup>2</sup> sa-chara am yang tidak berlawanan dengan peruntokan<sup>2</sup> Akta ini tentang menjalankan tugas<sup>2</sup> dan kuasa<sup>2</sup> Lembaga.

4. (1) Tugas<sup>2</sup> Lembaga ia-lah untok—

(a) menggalak dan memajukan pengurusan yang chekap dan berkesan mengenai enterpris<sup>2</sup> ternakan dan keluaran ternakan;

(b) mengadakan, mengurus dan menyenggara rumah<sup>2</sup> bantai;

(c) mengadakan dan menyelia kemudahan<sup>2</sup> kredit bagi pengeluaran ternakan dan bagi memastikan supaya kemudahan<sup>2</sup> itu di-gunakan sa-penoh-nya; dan

(d) mengambil bahagian dalam enterpris<sup>2</sup> ternakan dan keluaran ternakan termasuk perusahaan<sup>2</sup> memproses;

(e) —

Tugas<sup>2</sup>  
Lembaga.  
(Act. A. 202/73)

(2) Lembaga ada-lah berkuasa melakukan segala perkara yang menasabah perlu untuk atau bersampingan dengan menjalankan tugas<sup>2</sup>-nya di-bawah sekshen-kechil (1) dan khusus-nya—

*B. Act. A. 202/73*  
(a) bagi menjalankan segala kegiatan yang pada pendapat-nya perlu, berfaedah atau sesuai untuk atau berhubung dengan menjalankan tugas<sup>2</sup>-nya termasuk kegiatan mengangkut, memindah, membungkus, memproses, menyimpan, memperingkat, menjual ternakan dengan lelong dan juga lain<sup>2</sup> chara pemasaran ternakan am-nya;

(b) bagi menjalankan usaha<sup>2</sup> mengeluarkan haiwan dan makanan ternakan;

(c) bagi berniaga ternakan, keluaran ternakan dan alat kelengkapan perusahaan ternakan;

(d) dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, mengikat penyertaan ekuiti dalam apa<sup>2</sup> enterprais ternakan dan keluaran ternakan atau dalam apa<sup>2</sup> usaha yang berniagakan atau memproses makanan ternakan; dan

(e) melakukan apa<sup>2</sup> perkara lain yang di-fikirkan patut oleh Lembaga untuk membolehkan ia menjalankan tugas<sup>2</sup> dan kuasa<sup>2</sup>-nya yang tersebut di-atas itu dengan berkesan.

*1. by A.A. 377*  
(3) Dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, Lembaga boleh dari sa-masa ka-samasa menubuhkan suatu perbadanan dengan apa<sup>2</sup> nama yang di-fikirkan patut oleh Lembaga untuk menjalankan dan mengelola, melaksana serta menguruskan sa-suatu projek, rancangan atau enterprais yang telah di-rancang atau di-usahakan oleh Lembaga pada menjalankan tugas<sup>2</sup>-nya di-bawah sekshen ini; dan peruntokan<sup>2</sup> Jadual Kedua kepada Akta ini hendak-lah di-pakai bagi sa-suatu perbadanan yang di-tubuhkan di-bawah sekshen-kechil ini.

*A. 202/73*  
**Pengurus Besar,**  
pegawai dan penjawat Lembaga.

5. (1) Timbalan Pengerusi Lembaga hendak-lah menjadi ~~Pengurus Besar yang akan~~ bertanggungjawab atas pentadbiran dan pengurusan hari ka-sahari hal ehwal Lembaga dan akan menjalankan apa<sup>2</sup> kewajipan dan kuasa sa-bagaimana yang di-amanah atau di-wakikan oleh Lembaga atau Pengerusi apabila bertindak bagi pehak Lembaga.

(2) Lembaga boleh melantek pegawai dan penjawat yang di-fikirkan-nya perlu untuk menjalankan hal ehwal Lembaga dengan chekap.

## LEMBAGA KEMAJUAN PERUSAHAAN HAIWAN NEGARA 9

(3) Pegawai dan penjawat Lembaga hendaklah memegang jawatan sa-lama satu atau beberapa tempoh, menerima gaji dan elaun dan tertaklok kepada apa<sup>2</sup> syarat perkhidmatan mengikut sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri.

(4) Pengurus Besar, pegawai dan penjawat Lembaga hendaklah di-sifatkan sa-bagai penjawat awam dalam erti Kanun Keseksaan yang berkuatkuasa di-Malaysia Barat atau dalam erti mana<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> bertulis yang bersamaan dengan-nya yang berkuatkuasa di-Negeri Sabah dan Negeri Sarawak.

N.M.B.  
Bab 45.  
Sabah 3/59.  
Sarawak  
Bab 57. *Sub.*  
Act.A.202/73

6. (1) Bagi maksud Akta ini maka ada-lah dengan ini ditubuhkan suatu kumpulanwang (kemudian daripada ini di-sebut "Kumpulanwang") yang akan di-tadbir dan di-kawal oleh Lembaga—

Kumpulan-  
wang.

(a) yang ka-dalam-nya akan di-masokkan—

- (i) apa<sup>2</sup> wang yang di-peruntokkan dari sa-masa ka-samasa oleh Parlimen;
- (ii) apa<sup>2</sup> wang yang di-dapati oleh Lembaga dalam menjalankan tugas<sup>2</sup>-nya di-bawah atau menurut peruntokan<sup>2</sup> Akta ini;
- (iii) apa<sup>2</sup> wang yang di-dapati atau terbit dari apa<sup>2</sup> kemajuan, pelaburan, gadaijanji, gadaian atau dibenchar yang di-perolehi oleh atau terletakhak pada Lembaga;
- (iv) wang yang di-pinjam oleh Lembaga bagi maksud menjelaskan apa<sup>2</sup> tanggungan-nya atau bagi maksud menjalankan apa<sup>2</sup> tugas-nya; dan
- (v) segala wang atau harta lain sama ada harta aleh atau harta takaleh yang mungkin dengan apa<sup>2</sup> chara kena di-bayar kepada atau terletakhak pada Lembaga;

(b) yang dari-nya akan di-bayar—

- (i) semua perbelanjaan (termasok perbelanjaan modal) yang di-lakukan oleh Lembaga pada menjalankan tugas<sup>2</sup> dan kuasa<sup>2</sup>-nya; dan
- (ii) wang bagi membayar balek apa<sup>2</sup> pinjaman yang telah di-beri kepada Lembaga menurut kuasa-nya untuk meminjam.

(1A) - - -

A.A. 377

(2) Sa-belum permulaan bulan Jun tiap<sup>2</sup> satu tahun, Lembaga hendak-lah menghantar kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan (termasok perbelanjaan bagi projek<sup>2</sup> pembangunan) bagi tahun yang berikut-nya mengikut apa<sup>2</sup> bentok dan mengandongi apa<sup>2</sup> butir sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Menteri; dan Menteri hendak-lah sa-belum permulaan bulan November tahun itu memberitahu Lembaga jumlah wang yang di-benarkan bagi perbelanjaan am-nya atau jumlah<sup>2</sup> wang yang di-benarkan bagi tiap<sup>2</sup> satu jenis perbelanjaan.

(3) Lembaga boleh pada bila<sup>2</sup> masa menghantar kepada Menteri suatu anggaran tambahan bagi mana<sup>2</sup> satu tahun dan Menteri boleh membenarkan kesemua atau mana<sup>2</sup> bahagian perbelanjaan tambahan yang di-masokkan dalam anggaran tambahan itu.

Meminjam wang.

7. Lembaga boleh, mengikut syarat<sup>2</sup> yang di-luluskan oleh Menteri Kewangan, meminjam wang sa-banyak yang diperlukan oleh-nya bagi menjalankan sa-suatu tugas-nya.

Pelaboran.

8. Aset<sup>2</sup> Kumpulanwang, sa-takat mana yang tidak di-kehendaki untuk di-belanjakan oleh Lembaga di-bawah Akta ini, boleh di-laborkan mengikut chara yang di-luluskan oleh Menteri Kewangan.

Akaun dan Odit.

9. (1) Lembaga hendak-lah menyimpan dengan sa-patut-nya semua akaun dan rekod lain berkenaan dengan perjalanan-nya dan hendak-lah menyediakan penyata akaun bagi tiap<sup>2</sup> satu tahun kewangan.

(2) Akaun<sup>2</sup> Lembaga hendak-lah di-odit oleh Juru Odit Negara atau juru odit lain yang di-lantek oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri.

(3) Sa-lepas berakhir tiap<sup>2</sup> satu tahun kewangan dan sa-lepas sahaja akaun<sup>2</sup> Lembaga di-odit, Lembaga hendak-lah mengarahkan supaya satu salinan penyata akaun itu mengikut chara sa-bagaimana di-kehendaki oleh Menteri di-hantar kepada Menteri, bersama dengan satu salinan apa<sup>2</sup> pandangan yang di-buat oleh Juru Odit Negara atau juru odit lain yang di-lantek di-bawah sekshen-kechil (2) mengenai mana<sup>2</sup> penyata atau mengenai akaun<sup>2</sup> Lembaga.

(4) Menteri hendak-lah mengarahkan supaya satu salinan tiap<sup>2</sup> satu penyata dan pandangan itu di-bentangkan dalam tiap<sup>2</sup> satu Majlis Parlimen.

LEMBAGA KEMAJUAN PERUSAHAAN HAIWAN NEGARA 11

(5) Peruntokan<sup>2</sup> sekshen-kecil (4) hendak-lah di-pakai bagi penyata akaun<sup>2</sup> yang telah di-odit bagi sa-suatu perbadanan yang di-tubuhkan di-bawah sekshen 4 (termasok pandangan odit mengenai penyata itu dan akaun<sup>2</sup>-nya).

10. Lembaga hendak-lah tidak lewat daripada 30 hari-bulan Jun tiap<sup>2</sup> satu tahun mengarahkan supaya di-buat dan di-hantar kepada Menteri suatu laporan berkenaan dengan kegiatan<sup>2</sup> Lembaga dalam tahun yang lalu dan mengandongi apa<sup>2</sup> maklumat berhubung dengan perjalanan dan dasar Lembaga sa-bagaimana yang di-kehendaki dari sa-masa ka-samasa oleh Menteri.

Laporan Tahunan.

10A + 10B ---

A.A. 377

BAHAGIAN III

AM

11. (1) Dengan kelulusan Menteri, Lembaga boleh dari sa-masa ka-samasa membuat kaedah<sup>2</sup> bagi maksud menjalankan peruntokan Akta ini.

Kaedah<sup>2</sup>.

(2) Khusus-nya dan tanpa menyentoh keluasan makna peruntokan yang di-atas, kaedah<sup>2</sup> itu boleh—

(a) membuat peratoran bagi mengawal dan mengurus apa<sup>2</sup> bantuan (sama ada bantuan kewangan atau lain) yang mungkin di-beri kepada enterpris<sup>2</sup> ternakan dan keluaran ternakan;

Sub.  
Ad.A. 202/73

(b) mengawal pemasaran dan pembahagian ternakan dan keluaran ternakan yang di-punyai oleh dan yang di-peruntokkan bagi Lembaga;

(c) dengan persetujuan Menteri Kewangan, mengadakan peruntokan bagi menuboh dan menguruskan kumpulanwang simpanan bercharum bagi pegawai dan penjawat Lembaga, atau bagi membayar penchen, elaun atau ganjaran kepada pegawai dan penjawat tersebut apabila bersara atau apabila berhenti memegang jawatan sa-bagai pegawai dan penjawat Lembaga; dan

(d) menetapkan apa<sup>2</sup> perkara yang di-kehendaki oleh Akta ini supaya di-tetapkan.

JADUAL PERTAMA

(Sekshen 3)

1. (1) Sa-saorang ahli Lembaga (lain daripada Pengerusi) hendak-lah mengosongkan jawatan-nya jika ia tidak menghadhiri meshuarat Lembaga tiga kali berturut<sup>2</sup> tanpa kebenaran bertulis dari Pengerusi.

(2) Ahli<sup>2</sup> Lembaga atau mana<sup>2</sup> daripada mereka mengikut sa-  
bagaimana yang di-tentukan oleh Menteri sa-lepas berunding dengan  
Menteri Kewangan hendak-lah di-bayar gaji, saraan atau elaun mengikut  
sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Lembaga.

2. Lembaga boleh mewakilkan mana<sup>2</sup> daripada kuasa-nya yang di-  
beri oleh Akta ini kepada mana<sup>2</sup> ahli atau pegawai-nya atau kepada  
mana<sup>2</sup> jawatankuasa yang di-lantek oleh-nya untok menasihati atau  
membantu-nya pada melaksanakan tugas<sup>2</sup>-nya.

3. (1) Lembaga boleh melantek apa<sup>2</sup> jawatankuasa yang di-fikirkan-nya  
perlu bagi menguruskan apa<sup>2</sup> perkara berkenaan dengan tugas<sup>2</sup> Lem-  
baga; dan tertaklok kepada perenggan-kecil (2) perenggan ini, jawatan-  
kuasa<sup>2</sup> itu hendak-lah terdiri daripada ahli Lembaga yang di-lantek  
oleh Lembaga.

(2) Lembaga atau mana<sup>2</sup> jawatankuasa Lembaga boleh meminta sa-  
siapa jua (yang bukan ahli Lembaga) menghadhiri mana<sup>2</sup> meshuarat  
atau perbincangan Lembaga atau jawatankuasa bagi maksud  
menasihatkan-nya atas apa<sup>2</sup> perkara yang di-bincangkan, tetapi sa-  
siapa yang hadir sa-demikian tidak berhak mengundi dalam meshuarat  
atau perbincangan tersebut itu.

(3) Achara bagi mana<sup>2</sup> jawatankuasa yang di-lantek di-bawah pe-  
renggan-kecil (1) hendak-lah di-tetapkan oleh Lembaga.

4. (1) Koram bagi Lembaga ia-lah empat.

(2) Dalam semua meshuarat Lembaga, Pengerusi atau jika ia tidak  
hadhir, Pengerusi sementara, atau jika kedua<sup>2</sup> Pengerusi dan Pengerusi  
sementara tidak hadir, sa-sorang ahli sa-bagaimana di-pilih oleh  
ahli<sup>2</sup> yang hadir, hendak-lah mempengerusikan meshuarat itu.

(3) Jika atas apa<sup>2</sup> soal yang hendak di-putuskan oleh Lembaga  
bilangan undi sama banyak-nya, Pengerusi atau Pengerusi sementara  
atau ahli yang mempengerusikan itu ada-lah berhak memberi undi  
pemutus.

(4) Tertaklok kepada perenggan-kecil (1), (2) dan (3), Lembaga  
hendak-lah menetapkan achara-nya sendiri.

5. (1) Lembaga hendak-lah mempunyai suatu meteri dan meteri itu  
boleh dari sa-masa ka-samasa di-pecahkan, di-tukar, di-ubah atau di-  
buat baharu sa-bagaimana yang di-fikirkan-nya patut:

Dengan syarat bahawa sa-hingga suatu meteri di-adakan di-bawah  
perenggan ini, suatu chap mengandungi perkataan "LEMBAGA  
KEMAJUAN PERUSAHAAN HAIWAN NEGARA" boleh di-guna-  
kan sa-bagai suatu meteri.

(2) Meteri Lembaga hendak-lah di-sahkan oleh Pengerusi dan sa-  
orang lagi ahli Lembaga, dan apa<sup>2</sup> suratan yang berupa sa-bagai di-  
meterikan dengan meteri tersebut dan di-sahkan seperti tersebut di-  
atas hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah di-sempurnakan dengan sah-  
nya sa-hingga akas-nya di-buktikan.

## LEMBAGA KEMAJUAN PERUSAHAAN HAIWAN NEGARA 13

## JADUAL KEDUA

## (Sekshen 4)

1. Dengan kelulusan Menteri, Lembaga hendak-lah, pada atau sa-belum tarikh sa-suatu perbadanan di-tubuhkan di-bawah sekshen 4, membuat peratoran<sup>2</sup> mengenai perbadanan itu menyatakan—

- (a) maksud dan tujuan perbadanan itu di-tubuhkan;
- (b) hak, kuasa, kewajipan dan tugas<sup>2</sup> perbadanan itu;
- (c) sistem pengurusan-nya termasuk penyimpanan akaun dan rekod yang sa-patut-nya mengenai perjalanan<sup>2</sup>-nya, pengoditan akaun<sup>2</sup> itu, penghantaran kepada Menteri penyata akaun yang telah di-odit dan pandangan<sup>2</sup> odit mengenai-nya;
- (d) perhubungan antara perbadanan itu dengan Lembaga dan hak<sup>2</sup>-nya bagi mengawal perbadanan itu.

2. Tertaklok kepada peruntukan Akta ini, sa-suatu perbadanan adalah terikat kepada apa<sup>2</sup> peratoran yang telah di-buat di-bawah perenggan 1 berkenaan dengan perbadanan itu dan peratoran<sup>2</sup> itu hendak-lah berkuatkuasa bagi segala maksud sa-olah<sup>2</sup> ia telah di-buat di-bawah Akta ini.

3. Dengan kelulusan Menteri, Lembaga boleh pada bila<sup>2</sup> masa meminda, membatalkan, atau menambah kepada, apa<sup>2</sup> peratoran yang di-buat di-bawah perenggan 1 berkenaan dengan sa-suatu perbadanan.

4. (1) Dengan kelulusan Menteri, Lembaga boleh mengarahkan supaya sa-suatu perbadanan yang di-tubuhkan oleh-nya di-gulong dan di-bubarkan.

(2) Apabila sa-suatu perbadanan di-bubarkan di-bawah perenggan ini, aset perbadanan itu hendak-lah di-pindahmylek dan di-letakhak pada Lembaga sa-lepas segala tanggongan-nya di-jelaskan.

(3) Penggulongan sa-suatu perbadanan di-bawah perenggan ini hendak-lah di-lakukan mengikut chara yang di-tetapkan oleh Lembaga.

HA. — —

5. Tiap<sup>2</sup> perbadanan yang di-tubuhkan di-bawah sekshen 4 hendak-lah menjadi suatu pertubohan perbadanan mengikut apa<sup>2</sup> nama yang di-beri kepada-nya oleh Lembaga dan hendak-lah kekal turun temurun dan mempunyai suatu meteri dan boleh mendakwa dan di-dakwa atas nama-nya itu, dan boleh membuat kontrek dan boleh memegang dan boleh membuat apa<sup>2</sup> urusan mengenai apa<sup>2</sup> harta aleh atau harta takaleh dan boleh melakukan apa<sup>2</sup> perkara lain yang bersampingan dan berkenaan dengan sa-suatu pertubohan perbadanan dengan tidak berlawanan dengan peruntukan<sup>2</sup> Akta ini dan tertaklok kepada apa<sup>2</sup> sekatan atau had sa-bagaimana yang di-tetapkan bagi tiap<sup>2</sup> satu-nya oleh Lembaga.

6. (1) Tiap<sup>2</sup> perbadanan itu hendak-lah mempunyai suatu meteri yang mengandongi sa-suatu tanda sa-bagaimana yang di-luluskan oleh perbadanan itu dengan kelulusan Lembaga, dan meteri itu boleh dari sa-masa ka-samasa di-pechahkan, di-tukar, di-ubah atau di-buat baharu oleh perbadanan itu, dengan kelulusan Lembaga, sa-bagaimana yang di-fikirkan patut oleh perbadanan itu.

HA 377

(2) Sa-hingga suatu meteri di-adakan oleh perbadanan itu di-bawah perenggan ini, suatu chap mengandongi nama perbadanan itu boleh di-gunakan sa-bagai meteri.

(3) Meteri, atau chap yang tersebut dalam perenggan-kechil (2) hendak-lah di-simpan dalam jagaan mana<sup>2</sup> orang yang di-arah oleh perbadanan dan hendak-lah di-sahkan oleh orang itu; dan semua suratikatan, suratan dan lain<sup>2</sup> suratchara yang berupa sa-bagai di-meterikan dengan meteri itu dan yang di-sahkan sa-bagaimana tersebut di-atas hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah di-sempurnakan dengan sah-nya sa-hingga akas-nya di-buktikan :

Dengan sharat bahawa apa<sup>2</sup> suratan atau suratchara yang jika di-sempurnakan oleh sa-saorang yang bukan suatu pertubohan perbadanan tidak akan di-kehendaki di-chap dengan meteri, boleh di-sempurnakan oleh perbadanan itu dengan chara demikian itu juga; atau mana<sup>2</sup> suratan atau suratchara tersebut boleh di-sempurnakan bagi pehak perbadanan oleh mana<sup>2</sup> pegawai atau penjawat perbadanan yang di-berikuasa sa-chara am atau khas oleh perbadanan itu bagi maksud itu.

7. Tiap<sup>2</sup> perbadanan tersebut tidak boleh meminjam wang kechuali daripada Lembaga.